

## SIARAN MEDIA

### KUSKOP UMUM TIGA INISIATIF UDA BANTU PMKS TERMASUK MORATORIUM DAN TURUNKAN SEWA SEHINGGA 20 PERATUS

---

**KUALA LUMPUR, 6 MEI** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyambut baik saranan YAB Perdana Menteri semalam agar UDA Holdings Berhad menurunkan kadar sewaan premis perniagaan bagi membantu meringankan beban peniaga-peniaga dan usahawan sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang terkesan akibat krisis bekalan global.

Bagi menyahut saranan YAB Perdana Menteri, UDA telah mengambil pendekatan holistik dan berhemah bagi membantu para peniaga yang menjalankan perniagaan di kompleks beli-belah dan bangunan komersial di bawah milikan serta seliaan UDA dengan melaksanakan 3 inisiatif utama iaitu :-

- 1) Pemberian Diskaun Sewa sehingga 20% dengan pelaksanaan secara bersasar berdasarkan 2 kategori pelaksanaan iaitu pemberian 10% kepada kepada semua penyewa dan tambahan diskaun 10% secara bersasar kepada usahawan PMKS melalui Program Insentif Usahawan UDA bermula Mei sehingga Disember 2026.
- 2) Melaksanakan Moratorium sebagai langkah sokongan kepada aliran tunai PMKS melalui pembayaran sewa bulanan yang lebih fleksibel, termasuk kebenaran tunggakan sewa sehingga 3 bulan kepada penyewa yang terjejas berdasarkan penilaian prestasi dan keperluan operasi.
- 3) Bantuan kos utiliti (Utility Cost Relief), iaitu pengurangan kos operasi PMKS secara tidak langsung melalui penangguhan kenaikan caj perkhidmatan operasi kompleks di mana UDA akan menanggung kos kenaikan tersebut.

UDA dijangka akan menanggung kos sebanyak RM12.5 juta untuk melaksanakan segala bantuan ini kepada peniaga-peniaga dan usahawan PMKS.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my) atau ikuti UDA Holdings Berhad di Instagram (@uda\_official) dan Facebook (UDA Holdings Berhad).

**STEVEN SIM CHEE KEONG**  
**MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**6 MEI 2026**